



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK RAJA SHAHRIMAN BIN RAJA AZIDDIN  
TOKOH SENI ARCA

OLEH:

NUR AZRIN ASYIQIN BINTI MOHD SEDI	2020846668
NURUL MUNIROH BINTI MUHAMAD	2020627458

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK RAJA SHAHRIMAN BIN RAJA AZIDDIN  
TOKOH SENI ARCA

OLEH:

NUR AZRIN ASYIQIN BINTI MOHD SEDI	2020846668
NURUL MUNIROH BINTI MUHAMAD	2020627458

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Titipan penghargaan terhadap Allah tuhan sekalian alam di atas rahmat yang dikurniakan kepada hamba-Nya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad dan para sahabat serta para tabiin. Pertamanya, kami tuntunkan ucapan Alhamdulillah kepada Allah atas nikmat-nikmat yang diberikan kepada kami tanpa henti. Tanpa keredhaan-Nya dan bantuan-Nya tidak mungkin kami mampu untuk menyiapkan tugasan ini walau sedikit pun.

Penghargaan ini juga kami tujukan kepada kedua ibu bapa kami kerana mereka sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkatan kami. Mereka juga banyak menyokong kami dari segenap segi rohani dan kewangan untuk menghasilkan tugasan yang bermutu ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana dengan izin Allah, beliau sudi memberi tunjuk ajar dan sokongan tanpa henti walaupun pada waktu rehatnya. Moga jasa baiknya akan diganjarkan dengan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya.

Kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada sahabat-sahabat perjuangan yang sanggup berkorban mencari maklumat-maklumat bagi menjalankan tugasan ini sehingga selesai Akhir kata, kami ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam menghasilkan tugasan ini secara sulit ataupun tidak. Terima kasih.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

Temubual ini dijalankan bertujuan untuk memenuhi tugas khusus bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang dipilih iaitu Tokoh Kraf Negara bernama Raja Shahriman bin Raja Aziddin. Beliau merupakan seorang tokoh kraf tangan arca yang berjaya. Beliau pernah bergelar sebagai pensyarah di Malaysian Institute of Art (MIA) namun pada tahun 1994 beliau telah melepaskan jawatan pensyarah kemudian berkecimpung dalam bidang pembuatan arca besi. Beliau juga banyak menghasilkan arca besi berkaitan senjata dan tubuh badan manusia dengan menggunakan tema kehidupan dan pergolakan dunia sebagai inspirasi karyanya. Selain menjadi pembuat arca besi sepenuh masa, beliau juga aktif berkongsi ilmu dan pengalaman kepada mereka yang berminat mengenai arca besi. Tugas khusus ini adalah berkaitan dengan "Seniman Veteran dan Tokoh Seni Warisan Tempatan". Terdapat beberapa skop bidang soalan yang ditanya kepada tokoh termasuklah mengenai peribadi tokoh, pengalaman, pencapaian serta sumbangan sebagai Tokoh Kraf Negara. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Raja Shahriman bin Raja Aziddin semasa menjadi Tokoh Kraf Negara. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

**Kata kunci:** *tokoh, arca, arca besi, Kraf Negara. Seni warisan.*

## ABSTRACT

This interview was conducted to fulfill a specific task for the subject of Oral History Documentation with a selected figure, namely a National Craftsman named Raja Shahriman bin Raja Aziddin. He is a successful sculptural handicraft figure. He used to be a lecturer at the Malaysian Institute of Art (MIA) but in 1994 he gave up his position as a lecturer and then dabbled in the field of making iron sculptures. He also produced a lot of iron sculptures related to weapons and the human body using the theme of life and world turmoil as inspiration for his work. In addition to being a full-time iron sculpture maker, he also actively shares his knowledge and experience with those who are interested in iron sculptures. This specific assignment is related to "Veteran Artists and Local Heritage Art Figures". There are several scopes of questions that are asked to the figure including about the figure's personality, experience, achievements, and contribution as a National Craft Figure. Various tests and challenges were faced by King Shahriman bin Raja Aziddin when he became a National Craftsman. The history of his life and career can be used as a source of inspiration for everyone.

Keywords: figure, sculpture, iron sculpture.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Pengalaman.....	13
Bahagian 3: Penghasilan Seni Arca.....	21
Bahagian 4: Sumbangan dan Harapan.....	29
Rujukan.....	34
Lampiran	
Log Wawancara.....	37
Diari Kajian.....	46
Senarai soalan.....	51
Surat Perjanjian.....	65
Gambar.....	67
Indeks.....	73

# **BIODATA TOKOH**

# **BIODATA TOKOH**

Raja Shahriman bin Raja Aziddin

Tokoh Seni Arca



## **1. BUTIRAN-BUTIRAN PERIBADI**

Nama penuh: Raja Shahriman Bin Raja Aziddin

Umur: 55 Tahun

Tahun Lahir:

Tempat Lahir: Kuala Kangsar, Perak

## **2. PENDIDIKAN**

Sekolah Rendah: Sekolah Rendah Clifford Kuala Kangsar Perak

Sekolah Menengah: Sekolah Menengah Clifford Kuala Kangsar Perak

## **3. BUTIRAN KELUARGA**

Nama Isteri:

Nama Ibu:

Nama Bapa:

Bilangan Adik-Beradik: orang

## **KERJAYA**

Bidang: Seni arca

Kerjaya: Pengarca

Sumbangan: Menjadi tenaga pengajar kepada orang yang berminat dengan seni arca.

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**

Raja Shahriman Bin Raja Aziddin merupakan anak jati Perak yang dilahirkan pada 17 November 1967 di Kuala Kangsar, Perak dan menetap di sana. Beliau merupakan seorang yang gigih dan bersemangat dalam menghasilkan sesbuah arcanya. Beliau menerima pendidikan rendah di Sekolah Rendah Clifford Kuala Kangsar, Perak dan menengah di Sekolah Menengah Clifford Kuala Kangsar, Perak. Setelah tamat SPM, beliau menimba ilmu di Institusi Teknologi Mara (ITM) kemudian beliau telah menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Namun begitu semasa menimba ilmu lagi beliau telah memulakan seni arca ini. Dari bangkkolah juga beliau telah menunjukkan minat dalam bidang lukisan yang merupakan subjek kegemarannya. Beliau juga mengambil jurusan dalam bidang Seni Lukis Seni Reka dalam jabatan Seni Halus dan major Seni Arca. Kemudian setelah itu, barulah beliau menceburkan diri dalam seni arca . Encik Raja Shahriman Raja Aziddin juga telah mendirikan rumah tangga bersama isterinya iaitu Normala Binti Luth.

Antara sebab Raja Shahriman Raja Aziddin berkecimpung dalam bidang seni arca ini ialah kerana beliau telah berjaya menghasilkan satu benda seni ini merupakan satu potensi bagi beliau. Minat dalam bidang seni arca ini juga beliau mendapat galakan terutamanya daripada pensyarahnya dan juga mendapat dorongan daripada ibu dan ahli keluarga lain.

Sumbangan yang telah beliau berikan antaranya dengan mengadakan bengkel arca kepada pelajar-pelajar STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) di Kuala Kangsar Perak. Selain itu beliau juga menjalankan kuliah dan demonstrasi di studio & bengkelnya untuk kumpulan belajar pelajar dari beberapa institut pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Penang, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Universiti Teknologi MARA UiTM, Perak, UiTM Melaka, Universiti Teknologi MARA (UiTM, Shah Alam, Selangor dan lain-lain. Seterusnya beliau juga dijadikan sebagai orang sumber dan rujukan pelajar seni bagi sekolah di Perak & institut pengajian tinggi. Sebagai jurulatih dalam membuat senjata tradisional-terutama dalam pembuatan keris untuk pelatih tukang besi

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Temubual ini dijalankan untuk memenuhi tugasan khusus bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang dipilih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni arca. Bersama - sama kami ialah Raja Shahriman Bin Raja Aziddin. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 06 Januari 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3.30 petang bertempat di rumah kediaman Raja Shahriman. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Azrin Asyiqin dan Nurul Muniroh. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk :

RS : Raja Shahriman Raja Aziddin (Ayah Man)  
AA : Nur Azrin Asyiqin Binti Mohd Sedi  
NM : Nurul Muniroh Binti Muhamad

### **BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH**

**AA : Bagi memulakan temubual ini, kami akan mulakan dengan bahagian 1.0 iaitu latar belakang peribadi (bunyi suara monyet) Ayah Man. Bolehkah saya tahu nama penuh Ayah Man ?**

**RS : Boleh, nama Ayah Man aaa assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih. Okay [baiklah] nama Ayah Man Raja Shahriman Bin Raja Aziddin.**

**AA : Dimanakah Ayah Man dilahirkan ?**

RS : Ayah Man dilahirkan di Kuala Kangsar Perak.

**AA : Berapakah umur Ayah Man ?**

RS : Umur sekarang ni [ini] 55 tahun.

**AA : Boleh Ayah Man beritahu alamat rumah yang menetap sekarang ?**

RS : Rumah Ayah Man di kediaman BC2 Jalan Istana Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak.

**AA : Apakah nama isteri Ayah Man ?**

RS : Nama isteri Ayah Man Normala Binti Luth.

**AA : Berapakah orang anak Ayah Man ?**

RS : aaaa (berfikir) Ayah Man *tak takde* [tidak ada] cahaya mata.

**AA : Oh maaf.**

RS : *Takpe* [tidak mengapa].

**AA : Boleh saya tahu nama penuh ibu bapa Ayah Man ?**

RS : Nama ayah Ayah Man iaitu Raja Aziddin Bin Raja Ahmad. Nama ibu pula iaitu Raja Juhanis @ Raja Akbal Hanim Binti Raja Hanif Shah.

**AA : Bilangan adik-beradik Ayah Man ?**

RS : *Okay* (baiklah) Ayah Man *ade* [mempunyai] *aaa* (berfikir) Ayah Man ada dua ibu *so* (jadi) ibu pertama ada lapan orang adik-beradik dan *pada* [untuk] ibu seibu dengan Ayah Man empat *so* (jadi) semua sekali ada 12 orang adik-beradik

**AA : Ayah Man anak ke berapa ?**

RS : Ayah Man anak *bungsu* [bongsu] daripada 12 adik-beradik.

**AA : Oh.**

RS : Hmm (mengiyakan)

**AA : Jika kelapangan, apakah aktiviti Ayah Man ?**

RS : *Okay* (baiklah) waktu lapang, antara yang Ayah Man suka iaitu *aaa* (berfikir) antaranya lah *suke* [suka] ke tempat-tempat yang *boleh* [boleh] menenangkan *pikiran* [fikiran], yang ada pemandangan yang cantik dan juga suka kadang *riding* (menunggang motosikal) naik *motor* [motosikal] *hahaha* (ketawa).

**AA : Sekarang kita masuk sejarah pendidikan. Bolehkah Ayah Man menceritakan sejarah pendidikan awal seperti sekolah rendah sehingga lahir tahap yang tertinggi ?**

RS : *Okay* (baik) Ayah Man belajar di Sekolah Rendah Clifford Kuala Kangsar, Perak daripada darjah satu hingga darjah enam, *kemudiannya* [kemudian] Ayah Man memasuki tingkatan satu iaitu Sekolah Menengah Clifford Kuala Kangsar sehingga tingkatan lima selepas daripada itu baru Ayah Man masuk ke Institusi Teknologi Mara *la* [lah] ITM. *aaa* (berfikir) pada tahun 1986.

**AA : Apakah mata pelajaran yang menjadi kegemaran semasa persekolahan dahulu ?**

RS : *Okay* (baik) masa zaman persekolahan, Ayah Man *ni* [ini] *aaaa* (berfikir) dalam kelas *commerce* [perdagangan] aliran perdagangan jadi *tapi* [tetapi] tingkatan satu sampai tingkatan tiga *takde* [tidak mempunyai] lukisan. Lukisan memang merupakan satu subjek kegemaran *tapi* [tetapi] waktu tingkatan empat dan tingkatan lima masih lagi perdagangan *tapi* [tetapi] *takde* [tidak ada] *aaa* (berfikir) masa *tu* [itu] Ayah Man kena ambil perakaunan. Ayah Man *tak suke* [tidak suka] akaun *so* (jadi) Ayah Man *drop* (menggugurkan) Ayah Man ambil

lukisan sebagai mata pelajaran gantian.

**AA : Dimanakah Ayah Man sambung belajar di peringkat Universiti ?**

RS : *Okay* (baik) setelah tamat sekolah menengah di Kuala Kangsar, Ayah Man sambung belajar ke Institut Teknologi Mara Shah Alam pada tahun 1986.

**AA : Apakah jurusan yang diambil ?**

RS : Ayah Man *ambil* [mengambil] jurusan Seni Lukis Seni Reka, selepas *tu* [itu] mengambil apabila dalam jabatan Ayah Man memasuki Jabatan Seni Halus dan *majoring* (menguasai) dalam Seni Arca lah.

**AA : Adakah Ayah Man seorang yang aktif sewaktu di Universiti ?**

RS : *Emmm* (berfikir) tidak juga. Ayah Man boleh dikatakan semasa di universiti aktif dalam berkarya seni lah *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] aktif dalam aktiviti-aktiviti lain contoh bersukan ataupun kokurikulum *tak berapa* [kurang] aktif.

**AA : Apakah persatuan atau kelab yang Ayah Man pernah sertai ?**

RS : Kelab atau persatuan pun kurang *jugak* [juga]. Cuma yang contohnya *bila* [apabila] *dah* [sudah] *habis ni* [ini] macam persatuan pelukis Perak, itulah dengan persatuan-persatuan yang budaya-budaya yang mempersembahkan budaya.

**AA : Kenangan yang Ayah Man tidak boleh lupa ketika pengajian di Universiti ?**

RS : Kalau kenangan di Universiti banyaklah kenangan yang tidak boleh dilupakan tapi antara kenangan yang paling menarik *pasal* [di] Universiti adalah satu tempat yang mana *mulanya* [bermulanya] kita menceburi ataupun *nak* [mahu] mengetahui tentang apa sahaja bidang yang kita ceburi jadi *masa* [semasa] mula pendedahan pendidikan *ni* [ini] merasa [berasa] banyak perkara-perkara yang tidak pernah Ayah Man *jangkakan* [sangka]. Tetapi *bila* [apabila] jadi tu (dapat mempelajari), ia memberi satu kesedaran baru kepada Ayah Man dalam *bile* [apabila] *masuk ke* [memasuki] jurusan seni.

**AA : Apakah pencapaian terbaik yang pernah Ayah Man memperolehi sepanjang pengajian ?**

RS : Sepanjang pengajian Ayah Man lebih banyak *buat* [lakukan] kepada perkara-perkara praktikal contohnya di dalam mata pelajaran Seni Halus, kita ada Seni Lukis *drawing* (melukis) *painting* (pengecatan) pengecatan. Pada Ayah Man, tumpuan kepada seni subjek yang praktikal *ni* [ini]. Inilah yang Ayah Man *beri* [memberi] perhatian yang amat *serious* (serius) dan kebiasaannya Ayah Man mendapat *four flat* (4.0) dalam semua yang *practical subject* (subjek praktikal).

**AA : Apakah cita-cita Ayah Man sekiranya tidak terlibat dalam bidang seni arca ini ?**

RS : Sekiranya tidak terlibat? *emm* (berfikir) dulu semasa Ayah Man *nak* [mahu] berkecimpung mahu jadi pengarca sepenuh masa, Ayah Man *fikir* [berfikir] juga jikalau Ayah Man cuba dalam untuk jadikan pengarca sepenuh masa tapi kemungkinan *market* (pasaran) di Malaysia *ni* [ini] takut dari segi pengumpul barang seni kurang *so* (jadi) Ayah Man juga bercadang nak jadi tukang keris, pakar besi yang membuat keris sebagai satu bidang pekerjaan satu *profession* (pekerjaan) juga *so* (jadi) itu antara yang Ayah Man pernah fikirkan semasa dalam *nak* [mahu] jadikan *karier* (pekerjaan) Seni Arca ni. Sebelum *nak* [mahu] jadikan *karier* (pekerjaan) *ni* [ini] kalau jadi apa-apa yang tak kena *pasaran* (masalah kepada pasaran) Ayah Man akan masuk kepada perbuatan senjata tradisi. (bunyi motosikal).

**AA : Seterusnya untuk kerjaya awal, selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama Ayah Man ?**

RS : Setelah Ayah Man tamat pengajian pada tahun 1990, Ayah Man bekerja sebagai pensyarah sambilan selama dua tahun iaitu 1991 - 1992 (tahun) seterusnya Ayah Man dapat *jadi* [menjadi] pensyarah tetap pada tahun 1993 pensyarah sepenuh masa lah di Institut Seni Lukis Malaysia singkatannya M-I-A Taman Melawati.

**AA : Bagaimanakah Ayah Man ditawarkan pekerjaan tersebut ?**

RS : Pekerjaan tersebut di rekemen kan [ditawarkan] oleh seorang kawan Wong Hai Chong, dia seorang yang orang seni *jugak* [juga] dan dia juga masuk ke Institut Pengajian Tinggi menjadi tenaga pengajar di *Malaysian Institute of Art* (Institut Seni Lukis Malaysia) dan dia ajak Ayah Man untuk bersama dengan dia dan semasa itu juga di Institut Seni Lukis Malaysia ni [ini] belum ada subjek Seni Arca *so* (jadi) atas alasan yang Ayah Man *ni* [ini] boleh apa (berfikir) orang

yang ada pengetahuan Seni Arca, *so* (jadi) mereka jemputlah Ayah Man sebagai tenaga pengajar dalam bidang Seni Arca *ni* [ini] la.

**AA : Berapa Lamakah Ayah Man bekerja dalam bidang pekerjaan pertama ?**

RS : Pekerjaan pertama dah tiga tahun. Ayah Man dua tahun *buat* [membuat] *partime* (kerja sambilan) di Institut seminggu dua kali. Setahun (selebihnya) sepenuh masa.

**AA : Apakah sumbangan Ayah Man sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut (untuk pekerjaan awal) ?**

RS : Untuk khidmat, ketika itu Institut Malaysia belum ada subjek Seni Arca. *So* (jadi) bila Ayah Man masuk bekerja di sana, memang mata pelajaran Seni Arca, dia *ada* [Mempunyai] satu penambahan kepada Institut Seni Lukis Malaysia dalam Seni Arca. Tetapi apabila Ayah Man keluar daripada Institut tersebut dah *tak ada* [tidak ada] pengganti *so* (jadi) subjek tu pun *tak de* [tidak ada] dan *tak de* [tidak ada] pengetahuan dan *tak de* [tidak ada] dijadikan satu pembelajaran subjek.

**AA : Mengapakah Ayah Man melepaskan pekerjaan tersebut ?**

RS : Ayah Man adalah seorang yang lebih suka menghasilkan karya seni daripada Ayah Man sendiri *so* (jadi) bila mengajar Ayah Man *suke* [suka] mengajar *ni* [ini] (bunyi ayam berkокok) sebab apabila kita mengajar *ni* [ini] kita dapat melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan *tapi* [tetapi] ada masalah tempat contohnya Ayah Man *tak* [tidak] suka duduk di KL (Kuala Lumpur) jadi sewaktu (bunyi ayam berkокok) ketika bekerja sepenuh masa tu [itu], waktu

bekerja hanya 24 jam seminggu *so* (jadi) Ayah Man banyak masa lapang tapi [tetapi] Ayah Man *tak* [tidak] ada tempat untuk nak membuat arca, *nak* [mahu] adakan bengkel sendiri *so* (jadi) sebab itu, Ayah Man ambil keputusan untuk balik untuk mencari satu tempat yang Ayah Man rasa boleh Ayah Man dapat bertapak lah. *Nak jadi* [mahu menjadi] pengarca ni kos sara hidup tu kena *pikir* [fikir] tu yang Ayah Man ambil keputusan untuk pulang ke kampung ke Kuala Kangsar ni untuk memulakan *karier* (pekerjaan) sebab di sini *ada* [mempunyai] rumah *mak* [emak] dan juga *tak* [tidak] perlulah memikirkan sewa dan ketika itu *pulak* [pula] Ayah Man *dah* [sudah] berkahwin dengan isteri Ayah Man *so* (jadi) dalam masa yang *full time* (sepenuh masa) *tu* [itu] lah. *So* (jadi) Ayah Man rasa perlu ada tapak yang Ayah Man *stable* (stabil) untuk Ayah Man memulakan satu *karier* (pekerjaan) baru lah.

**AA : Apakah pekerjaan Ayah Man sekarang ?**

RS : Kerja Ayah Man (ingin penjelasan soalan) ?

**AA : Sekarang (senyum).**

RS : Okay [baik] perkerjaan Ayah Man sekarang ialah pengarca sepenuh masa lah, dah [sudah] selama 28 tahun daripada tahun 1994 lah. Kalau sampai sekarang berapa (mengira anggaran tahun) ?

**AA : 29 tahun ?**

RS : *aaa* (senyum) ya 29 tahun *hahahah* (ketawa) Ayah Man pun dah *tak* [tidak] ingat dah *hahahah* (ketawa).

AA : **Bolehkah Ayah Man menceritakan sejarah pembabitan Ayah Man dalam dunia arca besi ?**

RS : *Okay* (baik), Ayah Man *serious* (dengan serius) dalam pengarcaan besi ni daripada *student* (pelajar), *So* (jadi) semasa Ayah Man di tahun akhir semester ke tujuh, masa *tu* [itu] Ayah Man dah *start* (mula) pada semester ke tujuh *tu* [itu] kita *dah* [sudah] memulakan projek pengarcaan yang mana kita (kami) diberi tema untuk mencari identiti lah. *So* (jadi) semasa semester tujuh tu Ayah Man menghasilkan arca banyak *jugak* [juga], lepas tu Ayah Man telah dijemput oleh pensyarah Ayah Man sendiri lah untuk *nak* [mahu] *buat* [membuat] pameran berkumpulan bersama dengan dia dan lima orang artist (pelukis) daripada pensyarah Ayah Man *sorang* [seorang], lepas tu dia *ade* [ada] pensyarah *aaa* (berfikir) *ade* [ada] pelukis-pelukis profesional seramai tiga orang lagi termasuk Ayah Man dan kita (kami) buat pameran berkumpulan bersama pensyarah Ayah Man lah ketika Ayah Man di semester lapan *makna kata* [bermakna] di semester tujuh tu punya karya [karya di semester ketujuh] *dibawak* [dibawa] dan dipamerkan di pamer di luar di galeri swasta lah bersama pensyarah Ayah Man *la* [lah] tahun 89 (1989) *tak* [tidak] silap Ayah Man. *So* (maka) Ayah Man *dah* [sudah] terlibat dalam pameran yang *serious* (dengan serius) lah ketika itu berkumpulan dengan pensyarah Ayah Man semasa Ayah Man masih *student* (pelajar) di tahun akhir lah.

AA : **Apakah sumbangan Ayah Man di tempat kerja yang Ayah Man ingat sehingga kini ?**

RS : Di tempat kerja ni tempat kerja (ingin penjelasan soalan) ?

**AA : Di sini (sekarang).**

RS : Tempat kerja sekarang ni dia lebih kepada Ayah Man jadikan dia sebagai *base* (dasar permulaan) ataupun tempat Ayah Man *nak [mahu]* buat apa-apa *saje* [sahaja] *idea* [buah fikiran], dia [ia] bermula di sini lah aa di bengkel Ayah Man di *workshop* (bengkel) Ayah Man *ni [ini] buleh* [boleh] di ibaratkan tempat yang Ayah Man paling suka lah (senyum). Kalau Ayah Man *tak* [tidak] ada kerja pun Ayah Man akan duduk di bengkel ni *pasal* [sebab] dia banyak benda hendak *dipikirkan* [difikirkan] *so* (jadi) inspirasi *tu* [itu] banyak datang dalam *workshop* (bengkel) inilah *studio workshop* (bengkel) *ni [ini]* lah.

**AA : Apakah rahsia Ayah Man untuk mencapai kejayaan ?**

RS : Apa rahsia ?

**AA : Ya**

RS : Rahsia Ayah Man pertama ialah minat, minat tu mesti *ade* [ada] selepas itu ialah stamina sebab stamina ni untuk menjadi seorang pengarca atau pelukis lah untuk *nak [mahu]* *dapat* [mendapatkan] pengiktirafan dia bukan dalam masa yang singkat, lima tahun atau 10 tahun tu masih satu jangka masa yang pendek. Ayah Man 29 tahun ni pun masih lagi kalau buat pameran contohnya macam kena PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pun *tak* [tidak] dapat jual hasil kerja Ayah

Man. *Bila* [apabila] ekonomi menurun, kadang-kadang cabaran dalam ekonomi amat kuatlah dan *jugak* [juga] kalau kita tengok di Malaysia juga *collector* (pengumpul) yang mengumpul barang-barang seni terutamanya seni arca ni *kecik* [kecil]. So (maka) kadang-kadang itu cabaran lah tetapi *pasal* [disebabkan] minat tadi *bila* [apabila] kita minat dan kita rasa stamina kita mesti ada satu daya kepada daya tuju untuk apa *nak* [mahu] jadi tu jadi lah *tapi* [tetapi] kita *dah* [sudah] ada satu matlamat yang kita akan meneruskan *karier* (pekerjaan) itu amatlah penting.

**AA : Bagaimanakah Ayah Man membahagikan masa antara keluarga dan pekerjaan ?**

RS : *Okay* (baik) Ayah Man kerja Ayah Man ni Ayah Man sebab dah 29 tahun, Ayah Man *dah* [sudah] *organize* (menyusun) kan dia (kerja) menjadi satu pekerjaan biasalah. So (jadi) dia bermula pagi daripada biasa pukul sembilan sampai petang pukul enam setengah macam tu lah so (jadi) itu waktu bekerja so (jadi) selepas itu Ayah Man *tak* [tidak] buat kerja so (jadi) Ayah Man akan habiskan dengan hal-hal lain lah Ayah Man biasanya kerja tu *ambil* [ambil] waktu kerja lah waktu siang untuk bekerja. *Buat* [membuat] kerja hingga malam *takde* [tiada] *takla* [tidak lah] sampai begitu (malam).

**AA : Apakah kunci utama kemajuan kerjaya Ayah Man sehingga mendapat gelaran sebagai ‘Pakar Main Besi’ yang mencapai kejayaan cemerlang dalam negara ini ?**

RS : *Okay* (baik) dalam pengarcaan besi ini sebenarnya tidak ada atau tidak ramai yang ada pun mungkin Ayah Man seorang *jelaa* [sahaja] betul-betul

mengeksplorasi penggunaan bahan besi dalam pengarcaan yang lain tu mereka guna ada bahan campuran jadi mungkin disebabkan itulah di Malaysia *tak* [tidak] ramai, pengarca pun *tak* [tidak] ramai dan Ayah Man betul-betul tumpu atas penggunaan material besi ini dan juga teknik besi mengeksplor dalam seni tempur tradisi *so* (jadi) tempaan *ni* [ini] dia melibatkan pembuatan besi yang menggunakan pembakaran dan asas besi tu lah sehingga Ayah Man mampu untuk *nak* [mahu] mengolah besi untuk dalam arca-arca dan sebab itulah terkenal disebabkan orang kata *tak ada* [tiada] pengarca lain yang boleh yang buat macam tu lah *so* (jadi) atas sebab itulah yang memudahkan Ayah Man diberikan gelaran satu-satunya pengarca besi Malaysia. (senyum)

## TAMAT BAHAGIAN 1

## BAHAGIAN 2 : PENGALAMAN

- AA : Sekarang, kita masuk 2.0 pengalaman Ayah Man. Sejak bilakah Ayah Man mula meminati seni arca ini ?
- RS : Seni Arca ini sebenarnya Ayah Man pun *dapat* [mendapat] pendidikan ketika di waktu di UiTM (Universiti Teknologi Mara). Pada waktu UiTM itu Ayah Man sebenarnya suka *nak* [mahu] menjadi pelukis catan sebab Ayah Man banyak kepada pelukis-pelukis catan lah buat *painting* (melukis) tetapi setelah Ayah Man masuk UiTM *so* (jadi) kita ada subjek tiga subjek asas lah iaitu Seni Catan, Seni Cetakan dan Seni Arca sebagai *major subject* (subjek utama) lah. *So* (jadi) bila Ayah Man *buat* [membuat] projek dalam Seni Arca ni Ayah Man rasa *ada* [mempunyai] satu benda istimewa yang ada kaitan dengan Ayah Man sebab Ayah Man pun suka dalam pembuatan yang menggunakan kemahiran tangan contohnya Ayah Man suka keris, Ayah Man suka buat benda-benda besi, ukiran-

ukiran kayu benda macam tu pun Ayah Man suka. So (jadi) bila Ayah Man *dapat* [mendapat] bidang dalam bidang Seni Arca tu Ayah Man rasa ada macam tarikan [ada tarikan] untuk *nak* [mahu] menghasilkan Tiga Dimensi (3D) barang tu banyak so (jadi) sebab itu yang Ayah Man rasa dia (ia) lebih baik daripada Ayah Man buat Seni Catan tetapi Ayah Man pada mulanya memang Ayah Man ambil *painting* (melukis) iaitu major dalam Seni Catan. Kemudiannya Ayah Man tukar kepada major Arca juga atas nasihat daripada pensyarah, mereka pun melihat kekuatan Ayah Man kepada arca tu lebih dominan (menguasai) daripada Seni Catan tu [itu].

**AA : Pada usia berapakah Ayah Man mula membuat arca ?**

RS : Ketika itu Ayah Man masuk UiTM umur 20 tahun, tahun kedua semester keempat.

**AA : Adakah minat itu datang dari diri Ayah Man sendiri atau diberi galakan daripada ibubapa ?**

RS : Minat itu bermula daripada pensyarah Ayah Man selepas tu *bila* [apabila] Ayah Man *dah* [sudah] *dapat* [mendapat] menghasilkan satu benda seni jadi pensyarah nampak Ayah Man *ada* [mempunyai] potensi. So (jadi) galakan nya bermula daripada pensyarah Ayah Man tetapi masa tu ayah Ayah Man dah *takde* [tiada] dah *tapi* [tetapi] mak Ayah Man dan keluarga kakak dan abang semuanya sentiasa memberi dorongan kepada Ayah Man dengan bidang seni yang Ayah Man minatlah.

**AA : Adakah Ayah Man mempunyai adik-beradik yang berkecimpung dalam bidang Seni Arca ?**

**RS :** *Takde [tiada] tetapi Ayah Man ada [mempunyai] empat orang adik-beradik yang masuk ambil kursus dalam bidang Seni Reka di UiTM ada empat orang. Pertama iaitu kakak Ayah Man yang bernama Raja Nurshiba, dia ambil Tekstail Design dia kakak ibu pertama. Lepas tu [itu] adik dia iaitu Raja Nurshila dia kakak Ayah Man juga, masa itu batch Jabatan Musik pertama ditubuhkan di UiTM. Raja Nurshila ni merupakan *student* (pelajar) batch pertama muzik UiTM sekarang ini dia juga bertugas sebagai Timbalan Rektor ASWARA iaitu Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan. Selepas itu, Ayah Man ada seorang abang lagi Raja Azmir yang mana dia juga masuk UiTM dalam kursus Seni Lukis Reka tetapi dia dalam Jabatan Seni Industri dan sekarang ini Professor dekat UPM (Universiti Putra Malaysia) dalam Seni Industri lah ——.*

**AA : Adakah keluarga Ayah man bersetuju dengan kerjaya pilihan yang Ayah Man ceburi ?**

**RS :** Memang keluarga tiada bantahan *so* (jadi) selagi tetapi keluarga *tak* [tidak] setuju kerana cara Ayah Man berhenti daripada pensyarah lah mak Ayah Man kata “Man dah ada tanggungan kenapa berhenti dah ni nak kena tanggung, berhenti ni tak pasti lagi” tapi kemudiannya apabila Ayah Man masuk menceburi bidang tu dan apa yang Ayah Man buat ni dapat sambutan *so* (jadi) semua setuju lah dan semua memberi galakan kepada Ayah Man.

**NM : Jika Ayah Man tidak terlibat dalam bidang seni arca, apa agaknya kerjaya Ayah Man sekarang?**

- RS : *Emm kalau Ayah Man takde [tidak ada] buat arca mungkin Ayah Man akan buat pisau atau senjata tradisional sebagai satu perkara alternatif lah untuk sebagai satu aaa bidang mencari rezeki cari sumber pendapatan sebab Ayah Man minat dalam pembuatan besi ni (bunyi kenderaan lalu lalang).*
- NM : **Boleh Ayah Man ceritakan bagaimana bermulanya karier Ayah Man sebagai pengarca ini?**
- RS : Okey (baik) karier Ayah Man (bunyi motosikal) yang mula *tula* [itula] daripada *start* (mula) ketika Ayah Man *aa* dipanggil *aa* diajak oleh pensyarah Ayah Man untuk *nak* [mahu] menyertai pameran berkumpulan bersama pensyarah *so* [jadi] yang itu Ayah Man dah *start* (mula) serius lah tapi seterusnya Ayah Man *aa* bila dah tamat daripada UiTM *so* (jadi) Ayah Man banyak dijemput untuk pameran dan ketika *tu* [itu] Ayah Man banyak buat seni isolasi isolasi *ni* ada seni arca yang membentuk mengisi ruang *so* (jadi) ketika tahun awal 90an tu seni isolasi *ni* ada satu seni baru diperkenalkan *lah* *so* (jadi) masa *tu* [itu] Ayah Man dah *explore* (meneroka) seni *aaa* isolation [isolasi] *ni* dan mmm mendapat tempat *le* [la] jugak di di Malaysia [Malaysia] *ni* banyak ayah Man sehingga Ayah Man dipanggil di Singapore [Singapura] untuk buat seni isolasi sampai ke Singapore [Singapura] *aa* *so* (jadi) *tu* [itu] pendedahan awal *tu* [itu] ada *dah*.
- NM : **Adakah Ayah Man akan membuka peluang kepada anak muda di luar sana untuk mengenali arca ini dengan lebih mendalam? (bunyi burung berkicauan)**
- RS : (bunyi burung berkicauan) Okey (baik) untuk Ayah Man Ayah Man banyak menerima *aa student-student* (pelajar-pelajar) ex-student UiTM student-student *dah* [sudah] tamat pengajian tapi *aa* mereka [mereka] nak tahu teknik mereka

[mereka] nak belajar Ayah Man pernah terima sehingga aaa duduk sebulan di rumah Ayah Man *aa* orang yang belajar *aa* dia *grad* [graduasi] diploma dalam seni arca tapii diaa rasa dia rasa bila *habih* [habis] dia rasa macam tak cukup [tidak cukup] dan dia nak belajar (bunyi ketukan ting ting) *so* [jadi] dia duduk dengan Ayah Man sebulan dalam *aaa ni lah* untuk buat belajar buat arca ni *so* [jadi] Ayah Man pernah terima sama jugak *lah* tapi baru-baru ni *kite* [kita] *adekan* [adakan] satu bengkel kebetulan (bunyi burung berkicauan) *aa* abang ipar yang menguruskan daripada *aa* abang ipar *ni* galeri pelita hati yang menguruskan *die* [dia] dapat buat satu *apatu aa* kertas *kerja* [kerja] yang kemudian *die* [dia] telah luluskan oleh Yayasan Hasanah *so* [jadi] kita dapat *fund lepas tu* [selepas itu] Ayah Man *aaaa ni* dijadikan tenaga pengajar untuk dalam bidang penempaan besi dan pengarcaan selama dua bulan lah baru ni, situ satu *aaaa* satu sumbangan *le* [la] juga lah yang Ayah Man *rase* [rasa] Ayah man dapat bagi *pade* [kepada] orang-orang yang *mude* [muda] dan *jugak* [juga] orang-orang yang berminat dalam seni arca ni. (bunyi kipas).

**NM : Berapakah hasil pembuatan seni Arca besi ini dalam setahun ?**

**RS :** Emm *tak* [tidak] tentu tetapi *biasanye* [biasanya] Ayah Man *ambil* [ambil] antara contoh dan *mase* [masa] pembuatan tu aaa *mase* [masa] pembuatan seminggu *sehingga* [sehingga] *tige* [tiga] bulan satu satu arca eh tapi *biasanye* [biasanya] untuk satu pameran *aa* contohnya *lah* kalau satu satu pameran Ayah Man ambil *mase* [masa] dua tahun ke tiga tahun Ayah Man *cube* [cuba] untuk siapkan minimum *due* [dua] puluh arca tu untuk dua ke tiga tahun lah *aa* dan *biasenye* [biasanya] Ayah Man *aa punye* [punya] *kerja* [kerja] *ni* Ayah Man *tak* [tidak] terlalu berkejar macam *rushing* (tergesa-gesa) nak *kerja* [kerja] siang malam *taklah* [tidaklah] waktu *kerja* [kerja] siang Ayah Man *mm* biasanya setahun tu dalam *aaa* lapan arca ke 10 ke 12 arca macam *tu lah* Ayah Man *ambil* [ambil] *mase* [masa] sebulan satu Ayah Man *tak de* [tidak ada] *rushing* (tergesa-gesa) *pun tapi* [tetapi] setiap arca *tu kene* [kena] ade [ada] penelitian

annn (mumble).

**NM : Berapakah bilangan jualan dalam setahun daripada penghasilan arca besi ini ?**

RS : Okey (baik) *aaa* jualan arca *ni* pun dia *tak* [tidak] menentu *jugak* [juga] *pasai* [sebab] satu pameran yang Ayah Man buat dia akan *ambil* *mase* [masa] *due* [dua] tahun *ketige* [tiga] tahun dan *biasenye* [biasanya] jualan *tu aaa biase* [biasa] kalau ekonomi yang bagus *aaa* dia *boleh* [boleh] mencecah 60 percent (Peratus) *lah* jualan *la* 60 peratus jualan atas karya yang telah dihasilkan *lah aaa ade* [ada] *jugak* 100 peratus *pun ade* [ada] *jugak* [juga] jualan 100 percent [peratus] tapi tengok *kepade* [kepada] *aaaaa* (berfikir) keadaan ekonomi *semase* [semasa] *jugak* *lah aaa* kalau *mase* PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] *ni* memang teruk yang amat-amat teruk *lah*. *emmm* (bunyi motosikal yang kuat) (membuat mimik muka)

**NM : Apakah pengalaman manis yang Ayah Man perolehi sepanjang pembuatan seni arca ini?**

RS : (bunyi motosikal yang kuat) *Emmm* pengalaman manis dalam pengarcaan *ni* Ayah Man *aaa bile* [bila] Ayah Man banyak dipanggil dan diundang untuk macam-macam *aaaa* (berfikir) *ape* [apa] *tu* aktiviti seni dan *jugak* [juga] untuk memberi penerangan pendedahan seni *ni* banyak lah dari segi orang *kate* [kata] *aaa exposure* (dedahan) lah yang dapat *daripade* [daripada] *bile* [bila] *kite* [kita] buat *eer aaaa* arca sepenuh masa *tu so* (jadi) orang orang *aaa* yang yang *aaa* macam nak mengetahui tentang arca *tu* memang banyak *leh aaa* dan dapat undangan jemputan untuk *ni* untuk memberi ceramah untuk memberi [gagap] pengajaran *ni lah aa* didikan *aaa* sekolah sekolah panggil untuk memotivasi

untuk macam macam jugak *emmm* (bunyi kipas)

**NM : Berapa banyak anugerah yang telah Ayah Man perolehi dalam menceburia  
arca ini ?**

**RS :** (bunyi motosikal yang kuat) *Emmm* pengalaman manis dalam pengarcaan *ni* Ayah Man *aaa bile* [bila] Ayah Man banyak dipanggil dan diundang untuk macam-macam *aaaa* (berfikir) *ape* [apa] *tu* aktiviti seni dan *jugak* [juga] untuk memberi penerangan pendedahan seni *ni* banyak lah dari segi orang *kate* [kata] *aaa exposure* (dedahan) lah yang dapat *daripade* [daripada] *bile* [bila] *kite* [kita] buat *eer aaaa* arca sepenuh masa tu *so* (jadi) orang orang *aaa* yang yang *aaa* macam nak mengetahui tentang arca *tu* memang banyak *leh aaa* dan dapat undangan jemputan untuk *ni* untuk memberi ceramah untuk memberi [gagap] pengajaran *ni lah aa* didikan *aaa* sekolah sekolah panggil untuk memotivasi untuk macam macam jugak *emmm* (bunyi kipas)

**NM : Berapa banyak anugerah yang telah Ayah Man perolehi dalam menceburia  
arca ini?**

**RS :** Anugerah tak banyak *jugak* [juga] anugerah yang pernah Ayah Man dapat Asia Pacific *aaa Golden Art Award Asia Pacific aa* tapi selain itu Ayah Man pernah dapat Salon Malaysia [Malaysia] *aaa* dalam Salon Malaysie [Malaysia] dalam Art Salon *ni die* [dia] satu pameran besar besaran *lime* [lima] tahun sekali *leh aaa tu pun* dapat hadiah *aaa lime* [lima] *aaa* (berfikir) macam *die* [dia] (mumble) *aaaa* hadiah *pertame* [pertama] hadiah *kedue* [kedua] *pastu* [selepas itu] *lime lime* [lima lima] hadiah yang *ni lah aaa* nak *kate* [kata] bukan saguhati Runners Up macam *tu lah*.

- NM : Adakah dengan menerima anugerah itu memotivasiikan Ayah Man?**
- RS : *Emmmmmmmmmm* motivasi *ye jugak* [juga] tapi Ayah Man *tak* [tidak] *jugak* [juga] *aaaaaa* orang *kate* [kata] dari segi *aaa* [berfikir] terlalu nampak atas *aa award* (anugerah) *lah* atas apa *aaa* anugerah *lah* Ayah Man *rase* [rasa] *tu* [itu] sebagai satu bidang yang Ayah Man *suke* [suka] dan satu bidang yang Ayah Man dapat tumpukan *aaa* minat Ayah Man *lah* dengan *mase* [masa] yang Ayah Man *ade* [ada] dan *jugak* [juga] sebagai satu karier Ayah Man *jugak* [juga] *lah*. (bunyi kipas)
- NM : Bagaimanakah cara meningkatkan mutu kualiti arca besi yang dibuat?**
- RS : Ok *emm* setiap siri arca Ayah Man Ayah Man *ade* [ada] *aaa* apa *tu* *aaa* menggunakan besi dengan keadaan teknik teknik yang *berbeze* [berbeza] so kalau kita lihat pada orang orang yang mengkaji *leh* pengarcaan *aaa* arca arca yang Ayah Man buat pun *daripade* [daripada] tu satu siri *kepade* [kepada] satu siri *aaa semue* [berbeza] semua siri tu *die* [dia] *ade* [ada] pengolahan *aaaaa* besi bahan besi tapi pengolahan *berbeze* [berbeza] *aaa* tekniknya aa pengolahan berbeza pendekatan berbeza *care aa care* [cara] pembuatan yang berbeza *aaa* dalam mengolah besi pada setiap arca yang Ayah Man buat *lah so* (jadi) orang yang ikut *so* (jadi) Ayah Man dah ada sembilan so dua arca *so* (jadi) orang akan nampak setiap arca dan ciri-ciri yang Ayah Man buat *tu* mempunyai ciri-ciri yang tertentu leh *so* (jadi) setiap sesuatu *tu* yang Ayah Man buat *tu* ada dah pada setiap satu siri ini adalah daripada satu kajian yang amat terperinci lah untuk *nak* [mahu] hasilkan penghasilan ni.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3 : PENGHASILAN SENI ARCA**

**NM** : Seterusnya kita teruskan dengan 3.0 penghasilan seni arca besi, *aaa* Boleh *aa* Ayah Man ceritakan tentang asal usul seni arca besi ?

**RS** : *Okay* (baiklah) arca besi ini sebenarnya adalah satu *die* [dia] arca *ni* satu bidang *aaaa* seni dalam bentuk *tige* [tiga] dimensi lah tetapi pengarcaan *ni* *aaa* ialah seni barat *lah* telah *aaa* mengkaji *daripade* [daripada] zaman *aaa* asal *aaa* seni arca *ni* bermula (bunyi kicauan burung) daripada zaman kepercayaan *leh* percaya orang mengukir batu *leh* orang mengukir kayu. *Kemudianye* [kemudian] masuk *kepade* [kepada] evolusi *aaa manusie* [manusia] berfikir dan menggunakan benda *tige* [tiga] dimensi *tu* sebagai *menyatakan* [menyatakan] *aaa* perasaan *aaa* isem isem isem *ni* adalah satu *aaa ape tu* [berfikir] pergerakan pemikiran yang berlaku *aaaa* dalam *aaa* melalui seni *die* [dia] *ade* [ada] isem *aaa to beserve* , *aaa apetu aaa surrealism* cara pemikiran *tu* dibentuk dalam seni *so* (jadi) dialah *so* (jadi) seni itu bergerak lah *daripade* [daripada] seawal-awal *nye* orang yang *aaa* membuat ukiran pahatan pada batu atau kepercayaan *aaa pastu* [selepas itu] orang tradisi membuat satu bentuk dalam *bende bende* [benda benda] berkaitan *budaye* [budaya] sampai lah *kepade* [kepada] seni *aaa kontemporari* kontemporari untuk menjadikan bahan *tige* [tiga] dimensi dan seni sebagai satu olahan *aaaa* kepada satu media sebagai bahasa pengantaraan komunikasi melalui *tige* [tiga] dimensi tulah melalui juga yang dipanggil *Visual Language* leh bahasa secara visual lah *aaa so* (jadi) bermula *daripade* [daripada] *seawalnye* [seawalnya] yang itu sampai *le kepade* [kepada] satu satu *dunie* [dunia] yang sekarang ni lebih *kepade* [kepada] intelektual menggunakan satu daripada kaedah pembahasaan lah *aaa ye guna* melalui seni seni simbol *aa* penguunaaan simbol dan *ni* jugak [juga] dalam gubahan *yer*.

**NM : Adakah seni arca ini warisan keluarga turun temurun yang diwarisi?**

**RS :** Emmm *takde* [tidak ada] *aaa okey* (baiklah) aaaa seni arca ini satu bidang yang mana Ayah Man cerita tadi Ayah Man dapat pendedahan pun di UiTM tapi cuma dalam keluarga Ayah Man aaaa banyak minat seni dan Ayah Man, aaaa Ayah kepada Ayah Man sendiri pun adalah seorang aaa orang yang pandai dalam muzik *die* [dia] ketua pensyarah dalam Perak tapi dia pun boleh membuat alat muzik sendiri dia membuat alat gitar , biola dia sendiri semua buat buat sendiri *so* (jadi) dia orang yang pandai menghasilkan seni menggunakan kemahiran tangan ukiran ukiran tangan.

**NM : Apakah corak pertama arca besi Ayah Man hasilkan?**

**RS :** Corak *pertame* [pertama] kalau ikut zaman belajar *pun* Ayah Man banyak *gunekan* [gunakan] *aaa* tumbuh *manusie* [manusia] *leh* Anatomi tubuh *manusie* [manusia] *ni* dalam kajian untuk nak membuat arca *leh* *so* [jadi] itulah mengkaji tulang memulang begitulah Anatomi bentuk *rangke* [rangka] *manusie* [manusia] *aaa tu* antara Ayah Man *suke* [suka]*jugak* [juga] lah.

**NM : Apakah teknik pembuatan arca ini?**

**RS :** *Okay* (baik) teknik yang Ayah Man *gunekan* [gunakan] *mase* [masa] *semase* [semasa] UiTM Ayah Man *cume* [cuma] tahu buat kimpalan buat besi *secare* [secara] asas yang banyak guna kimpalan tetapi *bile* [apabila] Ayah Man *dah*

[sudah] *aaa* tamat pengajian di UiTM Ayah Man belajar seni *tempe* [tempa] *aaaa* besi tradisi *aaa* dengan guru Ayah Man *name* [nama] *die* [dia] Faizam Mior Bahiran *aaa tu sorang* [seorang] tukang besi di Padang Changkat untuk belajar tentang teknik *aaa* pembuatan senjata tradisional lah pembuatan senjata tradisional keris, badik, golok pedang *semue* [semua] begitu jadi Ayah Man *aaa ambik* [ambil] *aaa* kemahiran pengetahuan dalam seni *tempe* [tempa] tradisi Ayah Man *gunekan* [gunakan] dalam pembuatan seni arca ini.

**NM : Pembuatan arca ini menggunakan kaedah tradisional atau moden?**

RS : (bunyi kicauan burung) *Errr die* [dia] *ade* [ada] campuran tradisi *ade* [ada] dari segi *penggunaan* [penggunaan] bahan *bakor* [bakar] masih lagi *gune* [guna] arang *gune* [guna] cara ketukan yer untuk membentuk besi tu dengan mengetuk besi kalau zaman sekarang ni dia dah ada *gune casting* acuan tapi ini masih lagi *menggunekan* [menggunakan] teknik *aaa* ketukan *hand ford shield* membentuk dengan *free hand* dengan menggunakan tangan sepenuhnya lah dalam membentuk besi *so* (jadi) yang itu masih tradisi tetapi dalam mencantumkan besi-besi *sehingga* [sehingga] menjadi satu bentuk *kite* [kita] *menggunekan* [menggunakan] kimpalan di *mane* [mana] kimpalan tu dah dah boleh dikatakan seni moden *leh haaa* teknikal yang diolah *pade* [pada] zaman sekarang.

**NM : Berapa lamakah proses pembuatan arca ini?**

RS : Proses pembuatan arca *ade* [ada] *dari pade* [daripada] *sehingga* [sehingga] *tiga* [tiga] bulan setengah untuk satu arca *emm* satu arca bergantung kepada saiz dan

*jugak* kepada perincian setiap arca tu boleh jadi begitu lah *daripade* [daripada] seminggu sampailah *tige* [tiga] bulan setengah.

